

07 NOV 2001

Parlimen-tanggung

DEWAN TANGGUH 10 MINIT UNTUK TENANGKAN KEKECOHAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini ditangguhkan 10 minit setelah Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail gagal mengawal kekecohan kerana beberapa anggota dewan enggan mematuhi arahannya.

Penangguhan pada pukul 12.27 tengah hari itu berlaku ketika Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin sedang menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 bagi kementerian itu.

Zainuddin yang memulakan ucapannya mengenai peranan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan media cetak, menarik perhatian beberapa anggota pembangkang yang mempersoalkan mengapa berlaku ketidakadilan dalam penyiaran berita terutama daripada pembangkang.

"Tak benar kita tak beri tempat kepada pembangkang," katanya menjawab pertanyaan Mohd Apandi Haji Mohamad (PAS-Jeli) yang bangun meminta penjelasan sebelum itu.

Mendengarkan jawapan itu, Mohd Apandi bangun dan berkata:

"Bohong,bohong."

Kemuncak kekecohan berlaku apabila Zainuddin bercakap mengenai isu negara Islam dan menyatakan bahawa DAP cuba menyesatkan orang Cina mengenai isu itu.

Ketika itu, lima anggota pembangkang terdiri Mohd Apandi, Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam), Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong), Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) dan Muhammad Mustafa (Keadilan-Peringat), bangun serentak untuk meminta penjelasan sambil berlaku pertikaman lidah antara mereka dengan Zainuddin.

"Sudahlah, Yang Berhormat...perkara ini (penggulungan) tak boleh habis. Dia (Zainuddin) tak beri jalan," kata Mohamed Zahir.

Zainuddin kemudian meneruskan ucapannya dan pada satu ketika apabila beliau menyelar sebuah akhbar pembangkang yang membuat tajuk berita yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi keadaan menjadi kecoh apabila beberapa anggota pembangkang meminta beliau menunjukkan keratan akhbar yang dimaksudkan.

Apabila lebih 10 anggota dewan daripada pembangkang dan penyokong kerajaan bangun serentak sambil melemparkan tuduhan antara satu sama lain, Speaker terus mengeluarkan arahan supaya dewan ditangguhkan 10 minit.

Apabila mesyuarat disambung semula, Mohamed Zahir menasihatkan semua Anggota Parlimen supaya menghormati dewan.

"Saya harap (kita) dapat jalankan mesyuarat ini dengan tenang. Kita kena jaga maruah kita bersama dan kita kena jalankan tugas kita bersama...menjaga maruah dewan kita bersama.

"Harap jagalah perasaan masing-masing. Janganlah merosakkan perjalanan dewan ini dan saya minta Setiausaha Parlimen teruskan ucapan," katanya.

Zainuddin kemudian meneruskan ucapannya mengenai kebebasan media cetak dalam menyiarkan laporan masing-masing.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI